



4 HARI 3 MALAM

**HO CHI MINH CITY + COOKING HOLIDAY
BERSAMA YATIE KITCHEN + SHOPPING RAYA**

Ho Chi Minh City - Agricultural Village HCM Cooking School - Cu Chi Tunnel - Mekong Delta



HARGA FIESTA

ALL-IN
RM 1,995

WARGA EMAS

ALL-IN
RM 1,955



MATAWANG

Vietnamese Dong 100 VND = RM0.018



PERBEZAAN WAKTU

Ho Chi Minh : -1 Jam



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
HO CHI MINH CITY	3	Thien Tung Hotel / setaraf

HARI 1

KUALA LUMPUR - HO CHI MINH



MM

Bertolak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke **Ho Chi Minh City**. Setelah tiba di Ho Chi Minh City, tetamu akan dibawa untuk daftar masuk ke hotel dan berehat. Selepas itu tetamu akan bertolak ke restoran tempatan untuk makan malam. Pada sebelah malam tetamu bebas untuk membeli belah di **Pasar Malam Ben Thanh** yang menawarkan pelbagai barangan pakaian dan street food.

HARI 2

HO CHI MINH - AGRICULTURAL VILLAGE- CU CHI TUNNEL



SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Selepas sarapan, tetamu akan dibawa ke **HCM Agricultural Village- HCM Cooking School** untuk sesi memasak. Sebaik sahaja tiba di sana, tetamu akan dibawa oleh Chef ke kawasan sekitar ladang dan diberi penerangan bagaimana untuk menggunakan setiap bahan yang boleh didapati di ladang dalam masakan. Kemudian tetamu akan menyertai kelas masakan dan mempelajari cara memasak 4 resepi berbeza dari chef tempatan yang berpengalaman dibantu oleh Puan Yatie sendiri. Setiap tetamu akan diberikan sijil penyertaan setelah kelas memasak selesai. Selepas makan tengah hari, tetamu akan melawat **Cu Chi Tunnel**, salah satu

tapak peringatan bersejarah dari peperangan antara Vietnam dan Amerika Syarikat. Anda akan dapat merasai pengalaman berada di dalam terowong kecil di mana warga Vietnam berlingkup semasa perang dahulu. Kembali semula ke Ho Chi Minh dan makan malam di restoran tempatan sebelum ke hotel untuk berehat.

HARI 3

HO CHI MINH - MEKONG DELTA



SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa ke Mekong Delta yang terletak kira-kira 2 jam dari kota Ho Chi Minh. Sepanjang perjalanan anda akan berpeluang menikmati keindahan panorama dan suasana desa. Setibanya di **My Tho Mekong Delta**, tetamu akan dibawa menaiki bot merentasi Sungai Mekong melintasi perkampungan nelayan, kolam penternakan ikan air tawar, dan dusun buah-buahan di tebing sungai. Anda akan mendarat di delta di tengah **Sungai Mekong** dan melawat kilang dan perusahaan desa seperti kilang madu lebah, gula gula kelapa, mencuba buah-buahan tempatan dan menyaksikan persembahan lagu lagu rakyat. Seterusnya, tetamu akan kembali semula ke bot dengan menaiki sampan menelusuri anak sungai. Tetamu akan dibawa kembali ke Ho Chi Minh. Masa untuk membeli belah pelbagai barangan pakaian di **kilang baju kurung, jubah dan telekung; kedai barangan Kipling, Saigon Square dan Pasar Ben Thanh**. Makan malam di restoran tempatan dan kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 4

BANGKOK - KUALA LUMPUR



SP/MT

Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan memulakan lawatan sekitar bandar Ho Chi Minh termasuk **Central Post Office** yang merupakan pejabat pos pertama di seluruh Vietnam dan memaparkan senibina French Colonial yang indah. Juga singgah di **Opera House** untuk bergambar. Solat Zuhur di **Masjid Jamia Al Muslim**, sebuah masjid bersejarah di bandar Ho Chi Minh. Tetamu akan dibawa singgah sebentar di **Hard Rock Café Ho Chi Minh** untuk bergambar dan membeli cendera hati sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk pulang ke Kuala Lumpur.



30 April 2019

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 2,195	RM 2,395	RM 1,795	RM 1,695	RM 1,495
Warga Emas	RM 2,095	RM 2,295			
FIESTA	RM 1,995	RM 2,195	RM 1,595	RM 1,495	RM 1,295
Warga Emas	RM 1,955	RM 2,155			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	OD 561	K. LUMPUR - SAIGON	1425	1525
04	OD 562	SAIGON - K. LUMPUR	1620	1925

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Penginapan 3 malam yang selesai di hotel bertaraf 3* (rujuk senarai hotel ditawarkan)
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesai dan lawatan seperti aturcara.
- Perkhidmatan pemandu pelancong yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Elaun bagasi (check-in) 15kg dan bagasi kabin 7kg.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kemaora (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurance kemaora yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam waktu perlepasan)
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.



MEKONG DELTA